

KENYATAAN MEDIA
UNTUK SIARAN SEGERA

**PHARMANIAGA TEMBUSI PASARAN PENJAGAAN
KESIHATAN DI PLATFORM E-DAGANG TERBESAR DI CHINA**

PETALING JAYA, 31 OKTOBER 2022 – Pharmaniaga Berhad (Pharmaniaga) menandatangani perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU) dengan JDMAS Commerce Sdn Bhd (JDMAS) untuk mengkomersialkan produk farmasi over-the-counter (OTC) dan seterusnya produk farmaseutikal di China melalui platform e-dagang JD.Com.

JDMAS, rakan kongsi rasmi JD.Com, platform e-dagang terbesar di China dan ketiga terbesar di dunia telah ditubuhkan dan diiktiraf oleh pelbagai agensi seperti Perbadanan Pembangunan Perdagangan Malaysia (MATRADE), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan disokong oleh Malaysia China Business Council (MCBC) dan Malaysia Digital Economy Corporation Sdn Bhd (MDEC). JDMAS adalah satu-satunya Pavilion Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan dan memegang Akaun Utama atau *Status Kedai Flagship* JD.Com.

Melalui MoU ini, JDMAS akan bekerjasama dengan Pharmaniaga untuk mendaftar, mengimport, mengedar dan memasarkan produk OTC Pharmaniaga dan produk penjagaan kesihatan lain di China. JDMAS juga akan menyokong Syarikat dari segi perkhidmatan nasihat kawal selia, perdagangan komersial dan bekalan produk untuk pasaran China.

MoU itu ditandatangani oleh Pengarah Urusan Kumpulan Pharmaniaga Datuk Zulkarnain Md Eusope dan Pengarah Urusan JDMAS Dato' Bruce Lim, disaksikan Pengerusi Pharmaniaga Datuk Seri Zainal Abidin Mohd Rafique, Pengurus Negara Komersil JDMAS Elvin Lim dan Pengarah Eksekutif JDMAS Desmond Ng.

Datuk Zulkarnain berkata, “Kerjasama antara Pharmaniaga dan JDMAS adalah sebahagian daripada strategi untuk menembusi pasaran China, terutamanya dalam perniagaan berkaitan produk pengguna dan kesihatan. Kami berhasrat untuk membina kerjasama strategik yang kukuh dan mampan yang dapat memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.

“Meluaskan ke pasaran antarabangsa sentiasa menjadi salah satu matlamat strategik Pharmaniaga, dan ketika ini telah membuka jalan untuk dikenali di negara Asia Tenggara, rantau Teluk dan pasaran Eropah.

"Dengan kerjasama ini, Pharmaniaga akan mendapat akses kepada 1.412 bilion penduduk di China, dan dengan hampir 570 juta pengguna JD.Com, ia akan menjadi potensi pertumbuhan perniagaan yang besar untuk Pharmaniaga," katanya.

Datuk Zulkarnain berkata untuk memulakan inisiatif ini, Syarikat merancang untuk menyenaraikan produk OTC paling laris seperti Citrex Vitamin C, Citrex Gummies, Baraka Habbatus Sauda, Sweet Royale dan juga produk OTC lain di Pavilion Malaysia JD.Com menjelang Januari 2023 di samping memanfaatkan platform yang mempunyai teknologi luas disediakan oleh JD.Com serta platform lain seperti Douyin, Kwaishou dan WeChat.

"JDMAS akan bekerjasama dengan Pharmaniaga untuk merancang memasarkan produk di platform JD.Com, melalui kempen pengiklanan, tinjauan pelanggan, duta penjenamaan dan pelbagai strategi pemasaran lain," katanya.

Kerjasama antara Pharmaniaga dan JD.Com disasarkan akan meningkatkan pendapatan Syarikat sebanyak 100% hingga 150% pada tahun pertama bagi produk OTC, dengan jangkaan unjuran hasil mencecah anggaran USD30 juta menjelang 2025 apabila produk lain diperkenalkan dalam platform JD.Com.

Pharmaniaga adalah sayap perniagaan farmaseutikal untuk Kumpulan Boustead Holdings Berhad dan bersama-sama Lembaga Tabung Angkatan Tentera, merupakan pemegang-pemegang saham utama Syarikat.

-TAMAT-

MENGENAI PHARMANIAGA BERHAD

Pharmaniaga Berhad adalah ahli Kumpulan Boustead dan merupakan sebuah syarikat perkhidmatan kesihatan bersepadu yang terbesar di Malaysia. Tersenarai di Bursa Malaysia, teras perniagaan Kumpulan Pharmaniaga adalah logistik dan pengedaran produk farmaseutikal; pembuatan produk farmaseutikal generik dan peranti perubatan; pemasaran dan jualan; penyelidikan dan pembangunan; pembekal dan pemasangan peralatan perubatan, serta farmasi komuniti. Dengan kekuatan dan kepakaran merentasi rangkaian perkhidmatan kesihatan, operasi perniagaan Kumpulan Pharmaniaga berkembang teguh di Malaysia dan meluaskan pasaran dengan membina tapak di Indonesia dan Vietnam, sekaligus mengukuhkan kedudukan syarikat sebagai peneraju serantau dalam arena farmaseutikal antarabangsa.

Dikeluarkan untuk Kumpulan Pharmaniaga oleh Jabatan Komunikasi Korporat, Pharmaniaga Berhad. Untuk sebarang pertanyaan, hubungi Dato' Najmuddin Abdullah di talian 019-3387777, emel najmuddin@pharmaniaga.com atau Dato' Zuhri Iskandar Kamarzaman di talian 03-3342 9999 samb. 434, email zuhri@pharmaniaga.com.